

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 16.02.2026 MASA: 4.15PTG

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN
YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA
MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN
KITAR SEMULA PERINGKAT SEKOLAH BAGI TAHUN
2025 ANJURAN MAJLIS BANDARAYA SEBERANG
PERAI DENGAN KERJASAMA FRASER & NEAVE
HOLDINGS BHD (FNHB)

TARIKH / MASA / TEMPAT
25 FEBRUARI 2026 (RABU)
10.00 PAGI

AUDITORIUM, MENARA BANDARAYA, MBSP
SEBERANG PERAI TENGAH

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia MADANI,

1. ***Alhamdulillah***, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat berhimpun dalam **Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Kitar Semula Peringkat Sekolah Bagi Tahun 2025 Anjuran Majlis Bandaraya Seberang Perai Dengan Kerjasama Fraser & Neave Holdings Bhd.**
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada **Fraser & Neave Holdings Bhd (FNHB)** yang telah bekerjasama erat dengan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dalam menjayakan program ini. Komitmen berterusan FNHB sejak tahun 2017 membuktikan bahawa sinergi antara pihak berkuasa tempatan dan sektor korporat mampu mencetus impak besar terhadap kelestarian alam sekitar.
3. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada para pengetua dan guru besar, guru-guru penyelaras, ibu bapa serta anak-anak pelajar yang menjadi tulang belakang kejayaan pertandingan ini. Sesungguhnya, tanpa sokongan padu semua pihak, usaha murni ini tidak akan mencapai tahap yang membanggakan seperti hari ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Pertandingan Kitar Semula Peringkat Sekolah ini bukan sekadar sebuah pertandingan biasa. Ia merupakan satu **gerakan kesedaran** yang telah bermula sejak tahun 2017, dan walaupun pernah terhenti akibat pandemik COVID-19 pada tahun 2020 dan 2021, ia kembali bangkit pada tahun 2022 dengan semangat yang lebih segar dan tekad yang lebih jitu.
5. Untuk makluman semua, penilaian pertandingan ini dibuat berdasarkan jumlah beratan perkapita, iaitu jumlah kutipan barangan kitar semula dibahagikan dengan bilangan pelajar. Pendekatan ini amat signifikan kerana ia menilai bukan sahaja kuantiti, tetapi tahap **penglibatan menyeluruh warga sekolah**. Barangan yang diambil kira termasuk aluminium, plastik, kertas dan kotak minuman tetrapak.
6. Pada tahun 2025, sebanyak **58,782.82 kilogram** barangan kitar semula telah berjaya dikumpulkan hasil penyertaan sekolah menengah, sekolah rendah serta tadika dan prasekolah. Angka ini bukan sekadar nombor; ia melambangkan kesedaran, disiplin dan komitmen generasi muda dalam memelihara bumi yang kita cintai.

Hadirin sekalian,

7. Saya ingin mengajak kita semua membayangkan, jika setiap seorang pelajar di Seberang Perai mengitar semula hanya **satu botol plastik sehari**, dalam setahun kita mampu menyelamatkan ratusan ribu botol

daripada berakhir di tapak pelupusan. Inilah kuasa tindakan kecil yang dilakukan secara konsisten.

8. Hari ini, kita bukan sahaja meraikan pemenang yang membawa pulang hadiah wang tunai keseluruhan berjumlah RM21,730.00 yang ditaja sepenuhnya oleh FNHB, malah kita meraikan satu budaya baharu; **budaya tanggungjawab terhadap alam sekitar**.
9. Seajar dengan aspirasi “Seberang Perai Berdaya Huni, Mampan, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar”, MBSP akan terus komited memperkasa inisiatif kelestarian alam sekitar melalui pendidikan dan penglibatan komuniti secara berterusan.

Pelajar-pelajar yang saya banggakan,

10. Kalian adalah **duta kecil alam sekitar**. Tangan kecil kalian hari ini mengutip kertas, plastik dan aluminium, tetapi hakikatnya kalian sedang membentuk masa depan bumi ini.
11. Saya berharap agar pertandingan ini tidak terhenti sebagai satu program tahunan semata-mata, tetapi berkembang menjadi satu budaya hidup, di sekolah, di rumah dan dalam komuniti. Biarlah generasi Seberang Perai dikenali sebagai generasi yang bukan sahaja celik teknologi, tetapi juga celik alam sekitar.
12. Saya juga berharap lebih banyak sekolah akan menyertai program ini pada masa akan datang. Kita mahu melihat peningkatan penyertaan

dan jumlah kutipan saban tahun. Kita mahu menjadikan Seberang Perai contoh terbaik pengurusan sisa lestari di Malaysia.

Hadirin yang dihormati,

13. Sesungguhnya, alam ini bukan warisan nenek moyang untuk kita habiskan, tetapi amanah yang wajib kita pertahankan. Marilah kita bersama-sama memperkukuh iltizam menjadikan kitar semula bukan sekadar amalan, tetapi **identiti dan kebanggaan warga Seberang Perai**.
14. Akhir kata, kepada semua pemenang, tahniah saya ucapkan. Kepada yang belum berjaya, teruskan usaha; kerana setiap kilogram yang dikitar semula tetap memberi makna besar kepada bumi kita.

Memandangkan kita kini berada dalam bulan Ramadan yang mulia, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan **Selamat Menunaikan Ibadah Puasa dan Salam Ramadan Al-Mubarak** kepada semua yang beragama Islam. Semoga bulan yang penuh keberkatan ini menjadi medan penyucian jiwa, memperkukuh keimanan dan ketakwaan, serta menyemai nilai kesederhanaan, disiplin dan tanggungjawab dalam membentuk masyarakat yang berakhlak mulia dan berdaya maju.

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***